


IQRA'

BIL. 3/2025
MAC



SIDANG REDAKSI



PENASIHAT
Ts. Hj. Azizi Bin Hj Jantan



EDITOR
Pn. Shahidatul Akhmam Rambeli



PENYELARAS
Pn. Asmah binti Sabtu



REKA BENTUK GRAFIK
En. Muhammad Hazhar B Abd Aziz

Shah Alam	: Asmah Sabtu, Norazlin Mohd. Yusof, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Hanani Rojikin
Melaka	: Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Khairil Izwan Hasan
Sabah	: Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
Kedah	: Mohd Amiruddin Mohd Nasir
Pulau Pinang	: Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
Kelantan	: Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
Perak	: Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
Pahang	: Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
Johor	: Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
Selangor	: Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Pembentangan Laporan Pencapaian PS Suku Ke-4 Tahun 2024

Kampus: PTAR Shah Alam Uitm Cawangan Selangor Kampus Shah Alam



Sejumlah 6 petunjuk prestasi utama (KPI) dan 6 petunjuk prestasi (PI) Perpustakaan Tun Abdul Razak telah mencapai sasaran 100% manakala selebihnya mencapai antara 57%-86% sebagaimana dibentangkan oleh Puan Nor Azwani Mohamad, Ketua Unit dasar dan Perancangan Strategik pada pagi Isnin jam 9:00 pagi.

Laporan pencapaian Perancangan Strategik (PS) sukuan keempat telah dibentangkan dihadapan Ketua Pustakawan Ts Haji Azizi bin Haji Jantan turut diikuti oleh seramai 400 orang staf perpustakaan menerusi medium Google Meet. Skop laporan meliputi keseluruhan Petunjuk Prestasi Utama Perpustakaan iaitu 7 KPI dan 13 PI meliputi keseluruhan 40 lokasi perpustakaan UiTM.

Sejurus sesi pembentangan laporan PS dan ulasan Ketua Pustakawan berakhir tepat jam 10:45 pagi, sesi bersama Pengarah Bahagian/ Peneraju Inisiatif mengambil tempat membentangkan strategi inisiatif untuk tahun 2025. Seramai 4 orang Pengarah dan 2 orang Ketua Unit telah terlibat membentangkan strategi inisiatif yang akan melonjakkan pencapaian KPI dan PI.

Dalam ulasannya, Ketua Pustakawan menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga Perpustakaan UiTM atas pencapaian yang membanggakan ini. Disamping itu, beliau menuntut komitmen seluruh warga Perpustakaan UiTM agar memberi fokus terhadap agenda pembudayaan ilmu khususnya budaya membaca yang seharusnya menjadi identiti warga Perpustakaan UiTM. Beliau turut mengajak warga Perpustakaan UiTM menghayati beberapa karya tentang keilmuan seperti Budaya Ilmu oleh Wan Mohd Nor Wan Daud, Perpustakaan dan Perkembangan Tamadun oleh Syed Hussein al-Attas dan Menghayati Budaya Ilmu oleh Zaini Ujang. Pembentangan berakhir jam 2:00 petang.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my